

DATE: 28/7/2009

Tokoh Afrika mahu teruskan dialog: Dr Mahathir

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kebanyakan pemimpin Afrika memprotes cadangan pihak tertentu untuk menghentikan dialog perkongsian pintar yang diasaskan Malaysia.

Katanya, dialog yang diadakan di Malaysia atau Afrika amat bermanfaat bagi mereka kerana melalui mereka mampu belajar untuk membangunkan negara.

"Dulu ada usul supaya Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dihentikan, namun pemimpin Afrika yang menghadirinya membantah kerana mereka mendapat manfaat besar daripada dialog itu.

"Mereka mahu mencontohi pembangunan yang dilakukan Malaysia dan mempelajari sistem kita. Proses ini mengambil masa lama, namun ia penting bagi mereka untuk membangunkan negara mereka," katanya ketika bercakap kepada wartawan Malaysia selepas sesi Dialog Perkongsian Pintar Global 2009 (Dialog 2009) di Speke



MUHYIDDIN (tiga dari kanan) dan Dr Mahathir (kanan) mendengar hujah Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni (dua kanan) ketika sesi percambahan minda pada Dialog Perkongsian Pintar 2009 di Munyonyo. Turut hadir, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe (dua kiri) dan Presiden Zambia, Riupiah Banda (tiga kiri).

Munyonyo Resort, Munyonyo di sini, semalam.

Dr Mahathir yang menjadi pengasas LID turut memberi pandangan mengenai kejayaan Malaysia membangunkan Putrajaya yang kini menjadi

pusat pentadbiran utama Kerajaan Persekutuan pada dialog berkenaan.

Sejak LID diasaskan pada 1995 susulan keputusan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di

New Zealand, sebanyak 19 dialog diadakan membabitkan Malaysia dan negara Afrika menjadi tuan rumahnya. Tahun lalu, Zambia menjadi penganjur dialog itu.

"Malaysia memberi komitmen yang serius bagi membantu negara Afrika berkongsi pengalaman kita. Kita juga belajar mengenai masalah mereka, berbincang masalah rasuah, termasuk rasuah dalam parti," katanya.